

21/10/2002

Bahasa Inggeris: BN Pahang serah kepada PM

Noorwati Salleh

KUANTAN, Ahad - Barisan Nasional (BN) Pahang menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet untuk membuat keputusan mengenai isu pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, BN negeri mendesak kerajaan memberi tekanan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya memadamkan rekod yang mengaitkan BN dengan pertubuhan pengganas al-Qaeda.

Dua perkara itu adalah ketetapan yang mendapat sokongan sebulat suara parti komponen BN iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat (PPP) pada Konvensyen BN Pahang yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini hari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata BN memberi kepercayaan terhadap kewibawaan dan kebijaksanaan Dr Mahathir serta Kabinet membuat keputusan berhubung isu itu selepas mendapat pandangan dan pendapat semua pihak.

"Walaupun MCA Pusat dilihat menentang penggunaan bahasa Inggeris, tetapi laporan hari ini mengenai pendirian MCA itu belum sah lagi.

"Saya tidak nampak timbul konflik dengan ketetapan yang kita buat hari ini, yang juga membabitkan sokongan MCA Pahang dengan keputusan MCA Pusat itu.

"Ketetapan yang dibuat ini adalah melalui konvensyen BN di peringkat negeri dan kita bukan merujuk kepada kenyataan MCA hari ini," katanya pada sidang akhbar selepas konvensyen sehari itu di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di sini.

Turut hadir, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalan Menteri Kewangan yang juga Pengerusi MCA Pahang, Datuk Chan Kong Choy.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan BN negeri berkata, cadangan itu timbul sejak awal lagi dan sehingga sekarang wujud pelbagai reaksi mengenainya.

Mengenai keganasan, beliau berkata, Kerajaan Malaysia perlu mendesak PBB supaya menghapuskan rekod yang mengaitkan BN dengan pertubuhan al-Qaeda, berikutan bahan yang digunakan PBB masih tidak tentu kesahihannya.

"Kita dapati PBB membuat laporan ini dengan menggunakan buku yang ditulis Rohan Gunaratna bertajuk Inside Al Qaeda: Global Network of Terror sebagai rujukan .

"Semalam, kita mendapat laporan dari Singapura bahawa Rohan menjelaskan bahawa bukan maksud BN yang ada hubungan dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Filipina, tetapi individu tertentu dari BN dan pertubuhan lain di negara ini," katanya.